

Headline	Abang Jo rasmi Bazar Ramadan Satok		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	18 May 2018	Color	Full Color
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	1,3	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	1076 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,514
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 16,542



BERITA MUKA 3

Abang Jo rasmi Bazar Ramadan Satok

KUCHING: Ketua Menteri Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg bersama Datuk Bandar Kuching Utara Datuk Abang Abdul Wahap Abang Julai merasmikan 93 petak tapak Bazar Ramadan Satok, semalam.

JUALAN RAMADAN... Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg merasmikan Bazar Ramadan Satok di Kuching, semalam. © Foto Nordin Md Diah

Headline	Abang Jo rasmi Bazar Ramadan Satok		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	18 May 2018	Color	Full Color
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	1,3	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	1076 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,514
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 16,542



RASMI ... Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg merasmikan Bazar Ramadan Satok sempena menyambut Ramadan semalam. Tapak bazar tersebut disediakan untuk orang ramai membeli juadah tradisional dan moden seperti kuih-muih, lauk pauk, minuman dan beberapa juadah lain yang dijual hanya pada Ramadan seperti bubur pedas, nasi hujan panas dan bubur syura.

• Foto BERNAMA

Abang Jo rasmi Bazar Ramadan Satok

NUR AIN OTSMAN

KUCHING: Ketua Menteri Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg bersama Datuk Bandar Kuching Utara Datuk Abang Abdul Wahap Abang Julai merasmikan 93 petak tapak Bazar Ramadan Satok, semalam.

Sempena menyambut Ramadan tahun ini, DBKU menyediakan tapak jualan bagi dua lagi kawasan iaitu Semarak dan Sukma Ria.

Selain itu, DBKU juga memberi permit bazar Ramadan di beberapa lokasi seperti di Menara SEDC Isthmus off Jalan Bako, Pasar Malam Bandar Baru Samariang, Pasar Tani Demak Laut, Medan Niaga Satok, Metro City dan Mydin Petra Jaya.

DBKU juga tidak membenarkan penggunaan bekas styrofoam untuk membungkus makanan kerana boleh mencemar makanan dan alam sekitar.

Penjaja Bazar Ramadan Satok, Semarak dan Sukma Ria juga diingatkan supaya sentiasa mematuhi peraturan yang ditetapkan DBKU dan Jabatan Kesihatan.

Orang ramai turut disaran untuk membawa bekas makanan sendiri bagi tujuan membeli makanan untuk dibawa balik.

Selain itu, penjaja dinasihatkan mengetahui sumber bekalan makanan yang diperolehi dan memastikan mereka yang terlibat dalam penyediaan



RAMADAN... Orang ramai sedang membeli juadah berbuka puasa di Bazar Ramadan Satok.

makanan tersebut mengendalinya dengan baik serta sentiasa memberi perkhidmatan terbaik kepada pelanggan dan memastikan makanan yang dijual adalah bersih, sedap dan selamat untuk dimakan.

Tapak bazar Ramadan pada tahun ini yang disediakan untuk warga kota melibatkan jualan juadah yang terdiri daripada kuih-muih tradisional dan moden, pelbagai jenis makanan atau masakan dan minuman.

Malah ada beberapa juadah yang dijual hanya pada Ramadan seperti bubur

pedas, nasi hujan panas dan bubur syura.

DBKU turut bekerjasama dengan Central Coldstorage Kuching Sdn Bhd (CCK) dan menyumbangkan 600 apron serta topi kepada penjaja Bazar Ramadan Satok, Semarak dan Sukma Ria.

Transnational Insurance Brokers (M) Sdn. Bhd. dan Chong Kia Hoi Realty Sdn. Bhd. masing-masing turut menyumbang cek bernilai RM1,000, Kuching City Parking Systems Sdn. Bhd. (RM500) serta NS Advertising Sdn Bhd (enam unit kain rentang dan bunting).